



## KATA KERJA PASIF

- e. Kata kerja pasif berawalan *ter-*  
Contoh: Buku latihan Sains saya sudah terambil oleh Thomas.
- f. Kata kerja pasif dengan perkataan *kena*  
Contoh: Beg tangan ibu kena ragut ketika ibu ke pasar.
- g. Kata kerja pasif dengan apitan *ke-...-an*  
Contoh: Adik demam panas setelah kehujanan ketika pulang dari sekolah semalam.



## KATA KERJA PASIF

- Kata kerja pasif ialah kata kerja yang memberikan penekanan kepada objek asal.
- Terdapat tujuh jenis kata kerja pasif:
  - a. Kata kerja pasif diri pertama  
Contoh: Bola yang saya tendang sebentar tadi masuk ke gawang gol.
  - b. Kata kerja pasif diri kedua  
Contoh: "Tugasan itu mestilah kamu selesaikan secepat mungkin," kata guru itu kepada muridnya.
  - c. Kata kerja pasif dengan awalan *di-* bagi orang ketiga  
Contoh: Cerpen yang dikarang oleh beliau sangat tinggi mutunya.
  - d. Kata kerja pasif berawalan *ber-*  
Contoh: Pakaian saya masih belum berlipat.



## KATA KERJA AKTIF TRANSITIF

- Kata kerja yang diikuti oleh objek yang terdiri daripada kata nama atau frasa nama untuk melengkapkan maksudnya.
- Contoh:
 

Kata Kerja Transitif	Objek
merebus	ketupat
menendang	bola
- Kata kerja aktif transitif terbahagi kepada:
  - a. Kata kerja aktif transitif dengan satu objek  
Contoh: Kami sudah membaca novel Silir Daksina itu.
  - b. Kata kerja aktif transitif dengan dua objek  
Contoh: Ibu membuatkan ayah secawan kopi.



## KONSEP

- Kata kerja ialah perkataan yang menunjukkan sesuatu perbuatan atau keadaan melakukan sesuatu.
- Contoh kata kerja:

berlari	bersenam	berbual
menyanyi	memotong	memancing



## KATA KERJA AKTIF

- Kata kerja yang hadir dalam ayat aktif, iaitu ayat yang mengutamakan subjek asal sebagai unsur yang diterangkan.
- Kata kerja aktif terdiri daripada:
  - a. Kata kerja aktif tak transitif
  - b. Kata kerja aktif transitif

## KATA KERJA AKTIF TAK TRANSITIF

- Kata kerja yang tidak memerlukan objek sesudahnya.
- Kata kerja ini boleh diikuti oleh pelengkap dan unsur keterangan.
- Terdiri daripada:
  - a. Kata kerja aktif tak transitif tanpa pelengkap
    - Kata kerja yang boleh berdiri sendiri dalam ayat tanpa objek.
    - Contoh: bersorak, tiba, roboh, duduk, bekerja
    - Contoh ayat: Alia bersorak apabila penyanyi kegemarannya memenangi pertandingan nyanyian tersebut.

## b. Kata kerja aktif tak transitif berpelengkap

- Kata kerja yang memerlukan pelengkap yang terdiri daripada kata nama, kata adjektif atau kata sendi nama.
- Contoh:
  1. Penjenayah itu bersenjatakan parang.
  2. Kecederaan yang dialami oleh pemain bola sepak itu bertambah baik.
  3. Mereka akan pergi ke Turki untuk melancong.
  4. Wanita yang berbaju kebaya itu sangat anggun.



Cikgu Ain

Tatabahasa:

KATA  
KERJA



## DARJAH PENGHABISAN


- Darjah penghabisan ialah bandingan yang dinyatakan melalui enam cara berikut:
  - se + kata adjektif + gandaan + kata nama**  
Contoh: Dia memanjat pokok itu setinggi-tinggi yang boleh.
  - ter + kata adjektif**  
Contoh: Alissa pelajar yang terpandai di kelas 5 Anggerik.
  - paling + kata adjektif**  
Contoh: Cincin berlian itu merupakan hadiah yang paling mahal pernah saya beli.
  - kata adjektif + sekali**  
Contoh: Badannya penat sekali setelah bekerja sepanjang hari.
  - ter- + [amat / sangat] + kata adjektif**  
Contoh: Kita tidak dapat melihat kuman yang tersangat halus / teramat halus dengan mata kasar.
  - [amat/sungguh/sangat] + kata adjektif + sekali**  
Contoh: Guru itu berasa amat bangga sekali kerana pelajar-pelajarnya mendapat keputusan cemerlang.



## KONSEP

- Kata adjektif ialah perkataan yang menerangkan sifat atau keadaan sesuatu kata nama atau frasa nama.
- Kata adjektif juga dikenali sebagai kata sifat.

suka	fasih	bijak
tinggi	kaya	cantik



## DARJAH BIASA

- Kata adjektif darjah biasa ialah kata adjektif tunggal bagi menunjukkan keadaan biasa.
- Contoh:
  - Lengan baju ini agak panjang.
  - Sungguh cantik lukisan yang tergantung di dinding itu.

## DARJAH BANDINGAN

- Kata adjektif darjah bandingan dapat dinyatakan dengan dua cara, iaitu:
  - bandingan yang sama** - menggunakan awalan se-  
Contoh: Anak gadis ketua kampung itu secantik (sama cantik) ibunya.
  - bandingan berbeza** - menggunakan kata penguat lebih atau kurang yang berfungsi sebagai bandingan.  
Contoh: Gulai ayam ini lebih sedap daripada gulai ayam masakan saya.



## KATA ADJEKTIF DALAM BENTUK PERBANDINGAN

- Kata adjektif dapat digunakan untuk menyatakan tiga darjah perbandingan, iaitu:
  - darjah biasa
  - darjah bandingan
  - darjah penghabisan



Tatabahasa:

# KATA ADJEKTIF

## JENIS KATA ADJEKTIF

- Kata adjektif dapat dibahagikan kepada 9 jenis, iaitu:

### a. Kata adjektif sifatan atau keadaan

Contoh:

baik	gopoh	jahat
sihat	cerdas	malas

### b. Kata adjektif warna

ungu	putih	hijau
biru	hitam	merah

### c. Kata adjektif ukuran

besar	nipis	dalam
panjang	kecil	lebar

### d. Kata adjektif bentuk

leper	bulat	lurus
lonjong	bujur	bengkok

### e. Kata adjektif waktu

akhir	silam	lampau
segera	awal	lewat

### f. Kata adjektif jarak

dekat	jauh	hampir
rapat	nyaris	sebelah

### g. Kata adjektif cara

deras	lincah	tenang
cepat	perlahan	lebat

### h. Kata adjektif perasaan

benci	sayang	rindu
kasih	cinta	malu

### i. Kata adjektif pancaindera

<b>Deria rasa</b>	lazat, kelat, masam, masin
<b>Deria pandang</b>	buruk, cantik, molek, segar
<b>Deria dengar</b>	bising, garau, lunak, merdu
<b>Deria bau</b>	harum, busuk, wangi, hapak
<b>Deria sentuh</b>	halus, kasar, licin, empuk, kesat
<b>Gabungan deria</b>	selesa (sentuh + pandang), tenteram (dengar + pandang)

## KATA SENDI NAMA: KEPADA

- Kata sendi nama 'kepada' digunakan untuk:
  - a. menyatakan sasaran yang merujuk manusia, haiwan dan unsur mujarad. Contoh ayat:
    1. Borang penyertaan pertandingan nyanyian itu telah saya serahkan kepada pihak penganjur.
    2. Surat itu dikirim kepada anaknya.
  - b. menyatakan pecahan  
Contoh ayat:
    1. Ibu membahagikan kek itu kepada tiga bahagian.
    2. Peserta seminar itu dibahagikan kepada lima kumpulan.
  - c. menyatakan perubahan keadaan  
Contoh ayat:
    1. Pencapaiannya dalam subjek Matematik telah meningkat kepada tahap cemerlang.
    2. Cuaca yang panas menyebabkan suhu badannya meningkat kepada 36°C.



## KATA SENDI NAMA: PADA

- Kata sendi nama 'pada' digunakan untuk:
  - a. menunjukkan keterangan waktu  
Contoh ayat:
    1. Kami sekeluarga akan bertolak ke Pulau Pinang pada jam 10.00 pagi.
    2. Saya akan menyiapkan kerja itu pada waktu malam.
  - b. apabila didahului oleh perkataan 'ada', kata sendi nama 'pada' mesti diikuti oleh kata nama yang merujuk manusia dan haiwan.  
Contoh ayat:
    1. Laporan itu ada pada Puan Salmah.
    2. Corak yang ada pada harimau itu sangat unik.
  - c. menunjukkan tempat bagi perbuatan sesuatu kata kerja  
Contoh ayat:
    1. Layang-layang itu tersangkut pada dahan pokok setelah angin bertiup kencang.
    2. Notis penting berkaitan aktiviti kokurikulum itu ditampal pada papan kenyataan sekolah.

## KATA SENDI NAMA: DARIPADA

- Kata sendi nama 'dari' digunakan untuk menunjukkan KABOS (K-Keanggotaan, A-Abstrak, B-Beza/Bandingan, O-Orang /Organisasi, S-Sumber).
- Contoh ayat:
  1. Persatuan Bahasa Melayu terdiri daripada 80 orang ahli.
  2. Remaja perlulah mengelakkan diri daripada pengaruh negatif media sosial.
  3. Buku itu lebih bermutu daripada buku ini.
  4. Hadiah itu daripada tunang saya.
  5. Perabot ini diperbuat daripada kayu jati.



## KONSEP

- Kata sendi nama ialah perkataan yang hadir di hadapan frasa nama.
- Contoh kata sendi nama:

di	ke	dari	daripada
kepada	pada	bagi	demi
tentang	seperti	bagai	umpama
laksana	sejak	terhadap	akan
oleh	hingga	antara	untuk
dengan	dalam	sampai	selain



## KATA SENDI NAMA: DI

- Kata sendi nama 'di' digunakan untuk menunjukkan TEMPAT.
- Kata sendi nama ini **TIDAK BOLEH** digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan waktu, masa atau zaman.
- Contoh ayat:
  1. Cikgu Nor Ain bertugas di SMK Kapit, Sarawak.
  2. Majlis perkahwinan artis popular itu diadakan di hotel bertaraf lima bintang itu.

## KATA SENDI NAMA: KE

- Kata sendi nama 'ke' digunakan untuk menunjukkan TEMPAT atau ARAH yang dituju.
- Kata sendi nama ini boleh juga digunakan di hadapan kata atau frasa nama yang menunjukkan WAKTU/MASA.
- Contoh ayat:
  1. Saya akan pergi ke Kuala Lumpur esok.
  2. Mesuarat ini berlangsung dari pagi ke petang.

## KATA SENDI NAMA: DARI

- Kata sendi nama 'dari' digunakan untuk menunjukkan ATM (A-Arah, T-Tempat, M-Masa).
- Contoh ayat:
  1. Angin bertiup kencang dari selatan.
  2. Bunyi bising itu datang dari sebelah sana.
  3. Penceramah itu berasal dari Terengganu.
  4. Program kelas tambahan dalam talian secara percuma itu berlangsung dari pukul 9.00 pagi.





demi untuk (x)  
demi (/)  
untuk (/)

Oleh sebab kata sendi nama 'demi' sudah membawa maksud tujuan, maka penggunaan 'untuk' yang digunakan bersama-sama dianggap lewah.

2



Tatabahasa:  
**KATA SENDI NAMA**

**KATA SENDI NAMA: DEMI**

- Kata sendi nama 'demi' digunakan untuk:
  - menunjukkan TUJUAN**  
Contoh ayat:
    - Kita perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh demi kejayaan yang gemilang.
    - Mak Minah sanggup menjual tanahnya demi membiayai pengajian anaknya di universiti.
  - unsur penegas dalam ungkapan**  
Contoh:  
Demi Allah, aku tidak akan mengulangi perbuatan terukut itu.
  - maksud urutan satu atau sekumpulan.**  
Contoh:
    - Seorang demi seorang pelajar masuk ke dewan peperiksaan.
    - Mereka bergerak ke dalam stadium pasukan demi pasukan.

**KATA SENDI NAMA: UNTUK / BAGI**

- Kata sendi nama 'untuk/bagi' digunakan untuk:
  - menunjukkan tujuan dan kegunaan sesuatu**  
Contoh ayat:
    - Kutipan derma untuk/bagi mangsa kebakaran itu sedang dijalankan.
    - Asrama baharu itu untuk/bagi pelajar perempuan sahaja.
  - menyatakan maksud bahagian yang ditentukan atau diperuntukkan** ('untuk' tidak boleh bertukar ganti dengan 'bagi').  
Contoh ayat:
    - Wang belanja itu untuk adik.
    - Salah: Wang belanja itu bagi adik.

**KATA SENDI NAMA: SEJAK/ SEMENJAK**

- Kata sendi nama 'sejak/semajak' digunakan untuk menunjukkan MASA/WAKTU.
- Contoh:
  - Hasnah sentiasa kelihatan sugul sejak kematian ibunya.
  - Semenjak kejadian rumah saya dimasuki pencuri, saya tidak berani tinggal di rumah berseorangan.




**KATA SENDI NAMA: TENTANG**

- Kata sendi nama 'tentang' digunakan sebagai unsur yang membawa maksud rujukan sesuatu yang tidak tentu atau umum, atau mujarad.
- Contoh:
  - Kami berbincang tentang masalah pencemaran.
  - Para pemimpin perlulah mengambil berat tentang kebajikan rakyat jelata.

**KATA SENDI NAMA: TERHADAP**

- Kata sendi nama 'terhadap' biasanya digunakan sebagai unsur yang membawa maksud rujukan yang melibatkan penyambut tertentu, sama ada manusia, haiwan atau benda.
- Contoh:
  - Kita dilarang bersikap biadab terhadap orang tua.
  - Seorang guru harus memiliki sifat penyayang terhadap anak-anak muridnya.



**KATA SENDI NAMA: SEPERTI / UMPAMA / LAKSANA / BAGAI**

- Keempat-empat kata sendi ini mempunyai fungsi yang sama, iaitu sebagai perkataan di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa maksud perbandingan.
- Contoh ayat:
  - Lelaki yang baru tiba di Kuala Lumpur itu kebingungan seperti rusa masuk kampung.
  - Cahaya yang cerah umpama api yang sedang menyala itu sungguh menghairankan.
  - Tumbukan peninju itu pantas laksana kilat.
  - Pasangan mempelai itu bagai cincin dengan permata.



## KATA SENDI NAMA: DENGAN

- Kata sendi nama 'dengan' digunakan untuk membawa maksud seperti yang berikut:

### a. membawa maksud bersama-sama atau berserta

Contoh:

1. Ayah pergi ke pasar dengan ibu.
2. Abdullah menelaah mata pelajaran sains dengan kawannya.

### b. membawa maksud cara sesuatu itu dilakukan

Contoh:

1. Berita sedih itu disampaikan dengan perasaan dukacita.
2. Kerja ini dapat diselesaikan dengan kerjasama semua pihak.

### c. membawa maksud memakai atau menggunakan iaitu sebagai alat

Contoh:

1. Alif mengambil air dari perigi dengan timba.
2. Ibu membungkus nasi lemak dengan daun pisang.

### d. menyatakan keadaan perbandingan yang serupa atau sama

Contoh:

1. Warna bajunya sama biru dengan warna bajuku.
2. Beliau sentiasa sependapat dengan ketuanya



## KATA SENDI NAMA: DALAM / ANTARA

- Kata sendi nama 'dalam' dan 'antara' digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak.
- Contoh ayat:
  1. Sebagai rakyat Malaysia, kita harus fasih bertutur dalam bahasa kebangsaan.
  2. Hubungan antara Kamalia dengan rakan baiknya semakin renggang setelah dia berpindah sekolah.

## KATA SENDI NAMA: HINGGA / SAMPAI

- Kata sendi nama 'hingga' dan 'sampai' digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama untuk membawa maksud perihai peringkat dan had masa, waktu atau tempat.
- Penggunaan kata sendi nama 'hingga' dan 'sampai' boleh bertukar ganti.
- Contoh ayat:
  1. Fida berjaga untuk membakar lemang itu hingga dinihari.
  2. Anak-anaknya belajar sampai peringkat universiti.



## KATA SENDI NAMA: AKAN

- Kata sendi nama 'akan' digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang merujuk manusia.
- Penggunaannya mesti didahului oleh kata adjektif yang bersifat emotif.
- Contoh:
  1. Guru itu marah akan muridnya yang malas menyiapkan latihan.
  2. Wanita itu amat rindu akan ibunya di desa.

## KATA SENDI NAMA: OLEH

- Kata sendi nama 'oleh' digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama untuk:
  - a. Menunjukkan pembuat dalam ayat pasif  
Contoh ayat:
    1. Kuih-muih yang sedap itu dibuat oleh chef terkenal.
    2. Batu yang berat itu tidak terangkat oleh saya.
  - b. Menunjukkan hubungan yang membawa maksud sebab.  
Contoh ayat:
    1. Pasukan bola jaring itu kalah oleh kekurangan latihan.
    2. Aishah gagal dalam subjek Matematik oleh kecuaiannya dalam menjawab soalan.



F GRADE

## KATA HUBUNG PANCANGAN KETERANGAN

- Kata hubung pancangan keterangan ialah kata hubung yang menggabungkan ayat kecil keterangan dengan ayat induk.
- Contoh kata hubung pancangan keterangan:

kerana	agar	meskipun
semoga	sekiranya	supaya
kalau	andai kata	kendatipun
jika / jikalau	hingga	semasa
sementara	setelah	sebab
ketika	tatkala	untuk
walaupun	sungguhpun	apabila

- Contoh ayat:
  1. Adam tidak hadir ke sekolah **kerana** dia sakit.
  2. Mereka menunggu ketibaannya **hingga** lewat petang.
  3. **Walaupun** sibuk, Nurul dapat menyelesaikan tugasnya itu.
  4. **Apabila** fajar menyingsing, burung-burung berterbangan keluar mencari makanan
  5. Fikri akan membuat rayuan **andai kata** permohonannya ditolak.

## KATA HUBUNG PANCANGAN KOMPLEMEN

- Kata hubung pancangan komplement ialah kata hubung yang menghubungkan ayat kecil komplement dengan ayat induk.
- Terdapat dua bentuk kata hubung komplement, iaitu:
  - i. untuk
    - Untuk** Haifa lulus dalam ujian memandu itu bukanlah sesuatu yang sukar.
  - ii. bahawa
    - Contoh ayat: Pihak polis melaporkan **bahawa** penjenayah itu telah berjaya ditangkap

## KATA HUBUNG PANCANGAN RELATIF

- Kata hubung pancangan relatif ialah kata hubung yang menghubungkan ayat kecil relatif kepada ayat induk.
- Terdapat hanya satu bentuk kata hubung relatif, iaitu yang.
- Contoh ayat:
  - a. P.Ramlee seniman agung.
  - b. P.Ramlee sentiasa dikenang.
 P.Ramlee seniman agung **yang** sentiasa dikenang.

## KONSEP

- Kata hubung ialah perkataan yang bertugas menghubungkan dua ayat atau lebih bagi membentuk ayat majmuk.
- Terdapat dua jenis kata hubung, iaitu:
  - a) Kata hubung gabungan
  - b) Kata hubung pancangan

## KATA HUBUNG GABUNGAN

- Kata hubung gabungan ialah kata hubung yang menghubungkan dua ayat atau lebih yang sama taraf sifatnya, iaitu masing-masing ayat dapat berdiri sendiri.
- Contoh:

dan	atau	tetapi	serta
lalu	malahan / justeru	sambil	kemudian

Contoh ayat:

1. Mikhail membeli buku latihan **dan** alat tulis di kedai buku tersebut.
2. Salim telah berusaha bersungguh-sungguh untuk lulus dalam subjek Matematik **tetapi** masih gagal.
3. Lelaki itu memeluk anaknya **serta** membelai rambutnya.
4. Laili menyiram pokok bunga **sambil** menyanyi.

## KATA HUBUNG PANCANGAN

- Kata hubung pancangan ialah kata hubung yang menghubungkan ayat atau klausa tak setara, iaitu yang memancarkan atau memasukkan klausa kecil ke dalam klausa utama.
- Kata hubung pancangan terbahagi kepada tiga jenis, iaitu:
  - a) Kata hubung pancangan relatif
  - b) Kata hubung pancangan komplement
  - c) Kata hubung pancangan keterangan



## KATA PANGKAL AYAT

- Kata pangkal ayat ialah perkataan yang hadir di bahagian hadapan ayat yang menjadi penanda kesinambungan ayat dalam wacana..

- Contoh kata pangkal ayat:

maka	hatta	adapun	syahadan
kalakian	sebermula	arakan	alkisah

- Contoh ayat:

- Hatta** sangat sedihlah baginda tatkala mendengar berita kemangkatan putera yang dikasihinya.
- Maka** Hang Tuah pun diberi keris Taming Sari.
- Syahadan**, utusan dari Siam pun tibalah.



## KATA PERINTAH

- Kata perintah ialah kata tugas yang bertujuan menimbulkan sesuatu tindak balas terhadap perintah, arahan, larangan, silaan atau permintaan.

- Contoh kata perintah:

jangan	silalah	jemput	tolong
usah	tak usah	minta	harap

- Contoh ayat:

- Jemput** datang ke rumah saya pada hari Sabtu ini. (ayat silaan)
- Harap** awak tidak meninggalkan saya sendirian di sini. (ayat permintaan)
- Jangan** buang sampah merata-rata. (ayat larangan)
- Tolong** kembalikan buku yang telah dipinjam dalam masa dua minggu. (ayat permintaan)



## KATA PEMBENAR

- Kata pembenar ialah perkataan yang mengesahkan sesuatu pernyataan.

- Terdapat 3 kata pembenar, iaitu:

- ya
- benar
- betul

- Contoh ayat:

- Ya**, budak lelaki berbaju merah itu adik saya.
- Benar**, sayalah yang bersalah dalam hal itu.
- Betul**, guru-guru sedang bermesyuarat di Bilik Mesyuarat.

## KONSEP

- Kata praklausa ialah sejumlah perkataan yang terletak di hadapan klausa atau ayat, yang bertugas sebagai unsur penyeru, penanya, perintah dan sebagainya, iaitu sebagai penerang di pangkal ayat.

- Terdapat 5 jenis kata praklausa, iaitu:

- Kata seru
- Kata tanya
- Kata perintah
- Kata pembenar
- Kata pangkal ayat

## KATA SERU

- Kata seru digunakan dalam ayat seruan bagi menggambarkan perasaan seperti marah, hairan, kagum dan sebagainya.

- Contoh kata seru:

cis	wahai	aduh	aduhai	amboi
syabas	celaka	oh	wah	eh

- Contoh ayat:

- Aduh**, sakitnya tanganku!
- Cis**, berani sungguh engkau mempersendakan keluargaku!
- Syabas**, kamu mendapat tempat pertama dalam pertandingan bercerita!
- Oh**, baru aku teringat!
- Wah**, cantiknya lukisan awak!



## KATA TANYA

- Kata tanya ialah perkataan yang digunakan untuk menanyakan atau menyoalkan sesuatu.

- Contoh kata tanya:

mengapa	bagaimana	di mana
apa	siapa	berapa

- Contoh ayat:

- Harga baju ini **berapa**?
  - Murid itu menangis **mengapa**?
- Sekiranya kata tanya dikedepankan, dalam tulisan kehadirannya hendaklah disertai dengan partikel -kah. Contoh:

- Berapakah** harga baju ini?
- Mengapakah** murid itu menangis?



## KATA SENDI NAMA

- Kata sendi nama ialah perkataan yang hadir di hadapan frasa nama.
- Contoh kata sendi nama:

di	akan	demi	sampai
daripada	antara	bagi	dari
bagai	dalam	sejak	pada
seperti	ke	oleh	tentang
laksana	kepada	untuk	umpama
selain	dengan	hingga	terhadap

- Contoh ayat:
  1. Cikgu Nor Ain bertugas di SMK Kapit, Sarawak.
  2. Ibu membungkus nasi lemak dengan daun pisang.
  3. Saya merancang untuk ke Melaka esok.
  4. Kapal itu datang dari Singapura.
  5. Kelas tambahan Sains akan diadakan pada malam ini.

## KATA PEMERI

- Kata pemeri ialah kata tugas yang memerikan hal atau yang menjadi perangkai antara subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat.
- Terdapat dua kata pemeri, iaitu:
  - a) **ialah**
    - hadir di hadapan frasa nama
    - Contoh ayat: J.K Rowling ialah penulis buku Harry Potter yang terkenal.
  - b) **adalah**
    - hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama
    - Contoh ayat: Bunga di dalam bakul itu adalah untuk Cikgu Sharifah.
- Kata pemeri 'ialah' boleh hadir di hadapan kata hubung komplemen 'bahawa'
- Kata pemeri 'ialah' dapat hadir di hadapan kata hubung relatif yang berfungsi sebagai frasa nama.
- Contoh: Perkara yang dibincangkan ialah yang berkaitan dengan masalah sosial.

## KATA NAFI

- Kata nafi ialah kata tugas yang menafikan frasa-frasa predikat.
- Terdapat dua jenis kata nafi, iaitu:
  - a) **bukan** - menjadi unsur nafi frasa nama dan frasa sendi nama  
Contoh: Karangan itu bukan tulisan saya.
  - b) **tidak** - menjadi unsur nafi frasa kerja dan frasa adjektif  
Contoh: Buah mangga yang dibeli oleh bapa itu tidak manis.

## KONSEP

- Kata prafrasa ialah kata tugas yang hadir **sebelum frasa**.
- Kata pascafrasa ialah kata tugas yang hadir **sesudah frasa**

Kata Prafrasa		Kata Pascafrasa
Kata bantu	Kata sendi nama	Kata penguat
Kata penguat	Kata arah	Kata penegas
Kata penegas	Kata bilangan	Kata adverb
Kata nafi	Kata adverb	
Kata pemeri		

## KATA BANTU

- Kata bantu yang hadir ialah kata tugas yang berfungsi untuk menambahkan makna pada frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama.

- Kata bantu terbahagi kepada 2 jenis, iaitu:

- a) Kata bantu aspek - menimbulkan suasana perbezaan **masa**

telah	pernah	akan
sudah	sedang	mula
baru	,masih	belum

- b) Kata bantu ragam - menyatakan atau menerangkan **ragam perasaan**

hendak	mahu	enggan
harus	mesti	patut
boleh	dapat	mungkin

- Contoh ayat

1. Buku ini telah saya pulangkan semalam.
2. Anita hendak memasak hidangan istimewa sempena Hari Ibu.

## KATA PENGUAT

- Kata penguat ialah kata tugas yang berfungsi untuk menguatkan makna adjektif.

- Terdapat 3 jenis kata penguat, iaitu:

- a) **Kata penguat hadapan**

terlalu	paling	makin
agak	cukup	kurang

- b) **kata penguat belakang**

sekali	betul
benar	nian

- c) **kata penguat bebas**

sangat
amat
sungguh

- Contoh ayat:

1. Rendang yang dimasak oleh ibu kurang masin.
2. Cantik betul rupa paras anak Encik Hamdan.
3. Pemandangan di tepi pantai itu sungguh indah./  
Pemandangan di tepi pantai itu indah sungguh.



## KATA ADVERBA

- Kata adverbial ialah bentuk kata yang menerangkan kata kerja, kata adjektif, kata nama dan frasa sendi nama dari segi masa, cara dan tempat.

Contoh:

hampir	agaknya	sentiasa	acap kali	sekali gus
diam-diam	semalam	bermalam-malam	dekat	kalau

- Contoh ayat:
  - Kebanyakan murid sekolah itu tinggal **hampir** dengan kawasan sekolah.
  - Saya telah menghantar tugas yang diberikan oleh guru **semalam**.
- Kata adverbial dapat hadir dalam ayat pada kedudukan berikut:

a) di hadapan unsur yang diterangkan.

Kata Adverbial	Unsur yang Diterangkan
begitu	cantik
sering kali	memperkatakan hal itu

b) di belakang unsur yang diterangkan

Unsur yang Diterangkan	Kata Adverbial
dikenang	selalu
berniaga	kecil-kecilan

- Terdapat beberapa kata adverbial boleh hadir pada dua kedudukan (di hadapan & di belakang unsur yang diterangkan). Contoh:

sentiasa	selalu
segera	kelak

## KATA ARAH

- Kata arah ialah perkataan yang menunjukkan kedudukan sesuatu tempat yang berkaitan dengan hala atau jurusan.
- Kata arah hadir sebelum frasa nama dan sesudah kata sendi nama dalam frasa sendi nama.

Contoh:

atas	tengah	sudut
antara	dalam	segi
bawah	luar	selatan
tepi	belakang	barat
sisi	penjuru	utara
samping	timur	hadapan

- Contoh ayat:
  - Kami berehat di **bawah** pokok rambutan itu.
  - Murid yang cedera itu baring di **atas** pengusung sebelum dibawa oleh ahli PBSM ke khemah rawatan.



Bahagian predikat yang menerima penegas '-kah, -lah dan -tah' mesti dibawa ke hadapan ayat!!

Cikgu Ain

## Tatabahasa: KATA TUGAS

Kata Prafrasa & Kata Pascafrasa

## KATA PENEGAS

- Kata penegas ialah perkataan yang memberikan penekanan pada bahagian tertentu dalam ayat.
- Terdapat dua jenis kata penegas, iaitu:

a) Partikel

- Digunakan untuk menegaskan bahagian predikat sahaja
- Contoh:

-kah	-lah	-lah
------	------	------

Contoh ayat:

- "Bagaimana**kah** kemalangan itu berlaku?" tanya wartawan tersebut kepada salah seorang penduduk.
- Dial**lah** yang memarahi saya semalam.



b) Bebas

- Digunakan untuk menegaskan bahagian subjek atau bahagian predikat.
- Contoh:

juga	jua	pun
sahaja	lagi	memang

Contoh ayat:

- Hanya dua orang murid **sahaja** yang menghantar buku latihan kepada Cikgu Hamidah.
- Saya **juga** amat menyukai aiskrim.
- Encik Mazlan menimang cahaya mata lelaki **lagi**.



## KATA BILANGAN

- Kata bilangan ialah perkataan yang digunakan untuk menghitung sesuatu atau menyatakan jumlah tertentu.
- Terdapat 5 jenis kata bilangan, iaitu:

a) Kata bilangan tentu (cardinal)

lima	tiga puluh	enam ribu
tujuh	lapan ratus	dua juta

b) Kata bilangan tak tentu

segala	segelintir	beberapa
para	sebilangan	banyak

c) Kata bilangan himpunan

berpuluh-puluh	berkotak-kotak	puluhan
beratus-ratus	ketiga-tiga	jutaan

d) Kata bilangan pisahan

masing-masing	tiap-tiap	setiap
---------------	-----------	--------

e) Kata bilangan pecahan


suku	sepertiga	tiga perempat
setengah	separuh	dua pertiga

## JENIS AKRONIM

c) Gabungan huruf dan suku kata sejumlah perkataan

Contoh:


Mara	Majlis Amanah Rakyat
Intan	Institut Tadbiran Awam Negara
Proton	Perusahaan Automobil Nasional
Perhilitan	Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara



d) Akronim gabungan bahagian awal perkataan pertama dengan bahagian lain perkataan yang mengikutinya

Contoh:

debunga	debu bunga
purata	pukul rata
jenama	jenis nama
jentolak	jentera tolak



## JENIS AKRONIM

• Terdapat empat cara pembentukan akronim, iaitu:

a) Akronim gabungan huruf awal perkataan dalam rangkai kata

Contoh:

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor

b) Akronim gabungan suku kata awal sejumlah perkataan

Contoh:

Bernama	Berita Nasional Malaysia
Petronas	Petroleum Nasional
tadika	taman didikan kanak-kanak
pawagam	panggung wayang gambar
cerpen	cerita pendek



## AKRONIM

• Kata akronim ialah perkataan yang terbentuk dengan menggabungkan huruf awal suku kata atau dengan menggabungkan huruf awal dan suku kata daripada rangkaian kata sehingga membentuk perkataan baharu.

• Akronim tergolong dalam kata tunggal.

• Akronim merupakan satu kata yang utuh dan mantap yang mempunyai makna serta dapat berdiri sendiri.

### BEZA ANTARA AKRONIM DENGAN SINGKATAN

Singkatan diujarkan berdasarkan huruf dan diujarkan SATU PERSATU seperti PLKN (Program Latihan Khidmat Negara)

## KONSEP

- Bentuk kata ialah binaan sesuatu perkataan.
- Dalam Bahasa Melayu, terdapat empat bentuk kata, iaitu:
  - a) Kata tunggal
  - b) Kata terbitan
  - c) Kata majmuk
  - d) Kata ganda

## KATA TUNGGAL


- Kata tunggal ialah perkataan yang tidak menerima sebarang imbuhan atau tidak mengalami proses pemajmukan atau penggandaan.

• Contoh:

yu	doa	sekolah
tuala	keluarga	buku

• Terdapat dua jenis kata tunggal, iaitu:

- a) Kata tunggal satu suku kata
- b) Kata tunggal dua suku kata atau lebih



## JENIS KATA TUNGGAL

a) Kata tunggal satu suku kata

Contoh:

ya	draf	cat
am	skrip	golf
roh	bank	skru

b) Kata tunggal dua suku kata atau lebih

i. Kata tunggal dua suku kata

aku	ibu	unta
bintang	parang	ombak
nanas	kapal	guru

ii. Kata tunggal tiga suku kata

cuaca	lengkuas	binatang
ijazah	kemboja	celandawan
delima	almari	senapang

iii. Kata tunggal empat suku kata atau lebih

belantara	perajurit	panorama
manjakani	samudera	universiti
mesyuarat	maharajalela	bidadari

Tatabahasa:  
**KATA TUNGGAL**



## PENGIMBUHAN KATA MAJMUK

- Kata majmuk yang menerima imbuhan awalan ATAU akhiran sahaja, ejaannya tetap terpisah.

Contoh:

kemas kini	<u>d</u> kemas kini
campur aduk	<u>ber</u> campur aduk
ambil alih	<u>meng</u> ambil alih
kuat kuasa	<u>ber</u> kuat kuasa

- Kata majmuk yang menerima imbuhan APITAN (imbuhan awalan & akhiran), ejaannya dieja secara bercantum.

Contoh:

kemas kini	<u>d</u> kemaskini <u>kan</u>
campur aduk	<u>menc</u> ampuradu <u>kan</u>
ambil alih	<u>peng</u> ambilalihu <u>kan</u>
kuat kuasa	<u>d</u> kuatkuasa <u>kan</u>

## PENGGANDAAN KATA MAJMUK

- Penggandaan kata majmuk melibatkan penggandaan unsur PERTAMA sesuatu kata sahaja.

Contoh:

kapal terbang	kapal-kapal terbang
gambar rajah	gambar-gambar rajah
peti sejuk	peti-peti sejuk
kerusi malas	kerusi-kerusi malas

- Penggandaan yang melibatkan bentuk yang telah mantap; proses penggandaannya melibatkan KESELURUHAN unsur.

Contoh:

kakitangan	kakitangan-kakitangan
tandatangan	tandatangan-tandatangan
warganegara	warganegara-warganegara
setiausaha	setiausaha-setiausaha



## KONSEP

- Kata majmuk ialah perkataan yang terbentuk daripada proses merangkaikan dua kata dasar atau lebih dan bentuk yang terhasil membawa makna tertentu.

Contoh:

nasi	+	minyak	= nasi minyak
jam	+	tangan	= jam tangan
peti	+	surat	= peti surat

- Kata majmuk dieja terpisah dan bertindak sebagai satu unit, iaitu bentuknya tidak boleh menerima sebarang penyisipan unsur lain.

Contoh:

SALAH	BETUL
baju yang hujan	baju hujan
merah dan muda	merah muda

## JENIS KATA MAJMUK

- Terdapat tiga bentuk kata majmuk, iaitu:

a) Kata majmuk rangkai kata bebas

Contoh:

meja tulis	sapu tangan
biru laut	Perdana Menteri
kerusi malas	Menteri Besar

b) Kata majmuk istilah khusus

Contoh:

garis pusat	kanta lekap
cari gali	segi tiga
kertas kerja	urus setia

c) Kata majmuk kiasan (simpulan bahasa)


Contoh:

panjang tangan	kaki bangku
pilih kasih	buah hati
lipas kudung	berat tulang

## KATA MAJMUK YANG TELAH MANTAP

- Kata majmuk kebiasaannya dieja terpisah, namun ada juga yang dieja bercantum sebagai perkataan yang utuh.
- Bentuk ejaan begini sudah mantap dan dianggap sebagai kekecualian ejaan kata majmuk.
- Terdapat 15 perkataan yang dikategorikan sebagai kata majmuk bentuk mantap, iaitu:

antarabangsa	kerjasama	suruhanjaya
beritahu	olahraga	tandatangan
bumiputera	matahari	tanggungjawab
jawatankuasa	setiausaha	warganegara
kakitangan	sukarela	pesuruhjaya



## PENGIMBUHAN KATA MAJMUK

- Kata ganda berentak merupakan proses menggandakan kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu dalam kata dasar tersebut.
- Seluruh kata dasar digandakan dan bunyi-bunyi tertentu diulang.
- Tiga jenis kata ganda berentak:

### a) Penggandaan berentak pengulangan vokal

Contoh:

hiruk-pikuk	pengulangan vokal i dan u
saki-baki	pengulangan a dan i

### b) Penggandaan berentak pengulangan konsonan

Contoh:

mandi-manda	pengulangan m, n dan d
batu-batan	pengulangan b dan t

### c) Penggandaan berentak bebas

lambat-laun	segar-bugar	lintang-pukang
kacau-bilau	haru-biru	kusut-masai

## KATA GANDA SEPARA

- Penggandaan separa ialah proses mengulang sebahagian kata dasar sahaja, sama ada kata tunggal atau kata berimbuhan.
- Terdapat dua jenis penggandaan separa, iaitu:

### a) Penggandaan separa kata tunggal

- Penggandaan separa kata tunggal ialah proses yang hanya mengulang suku kata pertama kata dasar.
- Vokal dalam suku kata tersebut berubah menjadi vokal lemah, iaitu e pepet.

Contoh:

laki	→	lelaki
pohon	→	pepohon
kuda	→	kekuda



### b) Penggandaan separa kata berimbuhan

- Penggandaan separa kata berimbuhan ialah proses yang hanya mengulang kata dasar (imbuhan tidak diulang).
- Kata berimbuhan terdiri daripada kata berawalan, berakhiran dan berapitan.

Contoh:

Kata Dasar	Kata Berimbuhan	Kata Ganda Separata
liku	berliku	berliku-liku
cakar	mencakar	mencakar-cakar
besar	besaran	besar-besaran
ulam	ulaman	ulam-ulaman
salam	bersalaman	bersalam-salaman
biru	kebiruan	kebiru-biruan

Kata ganda yang bermaksud jamak tidak memerlukan kata bilangan 'banyak' atau 'pelbagai'

Contoh  
 banyak lauk-pauk ❌  
 banyak lauk ✅



## KONSEP

- Kata ganda ialah bentuk kata yang dihasilkan dengan menggandakan atau mengulang kata dasar secara seluruh atau pada bahagian-bahagian tertentu dengan imbuhan atau tanpa imbuhan.
- Jenis-jenis kata ganda:
  - a) Kata ganda seluruh
  - b) Kata ganda separa
  - c) Kata ganda berentak/berirama



Tatabahasa:  
**KATA GANDA**



## KATA GANDA SELURUH

- Penggandaan penuh ialah proses mengulang keseluruhan kata dasar, sama ada kata dasar berbentuk tunggal atau berimbuhan.
- Tanda sempang (-) perlu diletakkan selepas kata dasar digandakan.
- Contoh:

Penggandaan Penuh Kata Tunggal	
kerusi	kerusi-kerusi
sekolah	sekolah-sekolah
cantik	cantik-cantik

Penggandaan Penuh Kata Berimbuhan	
pelari	pelari-pelari
bungkusan	bungkusan-bungkusan
permintaan	permintaan-permintaan



## KATA BILANGAN PECAHAN

- Kata bilangan pecahan ialah kata bilangan yang membawa erti pembahagian.

Contoh:

separuh	setengah	sepertiga
dua pertiga	suku	tiga perlima

Contoh ayat:

- Encik Ahmad akan berkursus di Negeri Sembilan selama setengah bulan.
  - Sepertiga daripada harta jutawan itu akan diserahkan kepada badan-badan kebajikan.
- Perkataan setengah tidak sama dengan setengah-setengah atau sesetengah.

Contoh:

SALAH	BETUL
Terdapat <u>setengah</u> pihak menyuarakan perasaan tidak puas hati tentang kenaikan harga barang	Terdapat <u>sesetengah</u> pihak menyuarakan perasaan tidak puas hati tentang kenaikan harga barang.

## KATA BILANGAN PISAHAN

- Kata bilangan pisahan ialah kata bilangan yang menunjukkan maksud ceraihan, iaitu bererti setiap satu atau dengan maksud satu-satu.

Contoh:

setiap	tiap-tiap
masing-masing	

Contoh ayat:

- Pasangan warga tua itu bersenam di taman rekreasi setiap petang.
- Suzanna menaiki LRT untuk ke pejabat tiap-tiap hari.
- Suami isteri perlu menjalankan tanggungjawab masing-masing agar rumah tangga bahagia.

## KATA BILANGAN HIMPUNAN

- Kata bilangan himpunan ialah kata bilangan yang memberi pengertian longgokan himpunan.

Contoh:

kedua-dua	berpuluh-puluh
berkotak-kotak	berguni-guni

Contoh ayat:

- Terdapat berbagai-bagai jenis fesyen pakaian tradisional dijual di bazar itu.
- Kedua-dua orang anak Pak Mat melanjutkan pelajaran ke luar negara.
- Berkotak-kotak mercun telah dirampas oleh pihak berkuasa dalam serbuan itu.



Cikgu Ain

# Tatabahasa: KATA BILANGAN

## KONSEP

- Kata bilangan ialah perkataan yang digunakan untuk menghitung sesuatu atau menyatakan jumlah tertentu.
- Terdapat lima jenis kata bilangan, iaitu:
  - Kata bilangan tentu
  - Kata bilangan tak tentu
  - Kata bilangan himpunan
  - Kata bilangan pisahan
  - Kata bilangan pecahan
- Lazimnya, penjodoh bilangan hadir di antara kata bilangan dengan kata nama. Contoh:
  - lima buah kenderaan
  - dua bilah keris

## KATA BILANGAN TENTU

- Kata bilangan tentu ialah kata bilangan yang membawa maksud jumlah yang tentu sifatnya, iaitu yang boleh dikira.
- Kata bilangan tentu hendaklah diikuti oleh penjodoh bilangan.

Contoh:

satu	dua puluh	tiga ratus
empat ribu	lima puluh ribu	enam juta

Contoh ayat:

- Jijah mengukus lima biji kuih pau untuk minum petang.
- Saya akan ke Turki selama tujuh hari atas urusan perniagaan.
- Sebanyak lima ribu orang tentera dihantar oleh Melaka ke medan perang bagi menentang Siam.



## KATA BILANGAN TAK TENTU

- Kata bilangan tak tentu ialah kata bilangan yang membawa maksud bilangan yang tidak tentu sifatnya, atau tidak dapat ditentukan bilangannya.

Contoh:

semua	banyak	seluruh
beberapa	sedikit	para

Contoh ayat:

- Semua pelajar asrama dikehendaki berkumpul di dewan makan pada pukul 8 malam.
  - Para tetamu diminta mengambil tempat kerana majlis itu akan bermula sebentar lagi.
- Kata bilangan yang membawa maksud **JAMAK**, iaitu menunjukkan bilangan banyak, kata nama yang mengikutinya tidak boleh digandakan.

Contoh:

SALAH	BETUL
semua pelajar-pelajar	semua pelajar
segala alat-alat	segala alat

## KATA TERBITAN IMBUHAN AKHIRAN

- Akhiran ialah bentuk imbuhan yang dicantumkan pada bahagian akhir kata dasar dan membentuk kata terbitan.
- Terdapat dua jenis akhiran, iaitu:

### a) Akhiran kata nama

Contoh:

AKHIRAN	CONTOH KATA TERBITAN
-an	pasangan, balasan
-wan	jutawan, dermawan
-man	seniman, budiman
-wati	seniwati, peragawati
-isme	nasionalisme, patriotisme
-in	hadirin, muslimin
-at	hadirat, muslimat
-ah	ustazah



### b) Akhiran kata kerja

Contoh:

AKHIRAN	CONTOH KATA TERBITAN
-kan	buatkan, lupakan, kecilkan
-i	turuti, marahi, duduki

### c) Awalan kata adjektif

Contoh:

AWALAN	CONTOH KATA TERBITAN
ter-	tercantik, terbijak
te-	terendah, terasa
se-	seluas, senipis

## KONSEP

- Kata terbitan ialah bentuk kata yang dihasilkan melalui proses pengimbuhan, iaitu proses yang menggabungkan imbuhan pada kata dasar.
- Terdapat empat jenis imbuhan, iaitu:
  - Imbuhan awalan
  - Imbuhan akhiran
  - Imbuhan sisipan
  - Imbuhan apitan

## KATA TERBITAN IMBUHAN AWALAN

- Awalan ialah bentuk imbuhan yang dicantumkan pada bahagian awal kata dasar dan membentuk kata nama terbitan, kata kerja terbitan dan kata adjektif terbitan.
- Terdapat tiga jenis awalan, iaitu:

### a) Awalan kata nama

Contoh:

AWALAN	CONTOH KATA TERBITAN
pe-	pelari, penyapu
pem-	pemberi, pembaca
pen-	pendaki, penjaja
peng-	penggalak, pengikut
penge-	pengecat, pengebom
pel-	pelajar
pe-	peguam, petinju
per-	pertapa, perasap
ke-	ketua, kekasih
juru-	juruwang, jurubahasa
maha-	mahasiswa, mahaguru
tata-	tatacara, tatabahasa
pra-	prasekolah, prasyarat
sub-	subkategori, subgolongan
supra-	supranasional, suprakelas
eka-	ekawarna, ekapaksi
dwi-	dwibahasa, dwitahunan

### b) Awalan kata kerja

Contoh:

AWALAN	CONTOH KATA TERBITAN
me-	menulis, mengaji
mem-	membantu, memfitnah
men-	mendayung, mentafsir
meng-	menggubah, mengira
menge-	mengecat, menggelap
ber-	berlawan, bersara
be-	berenang, berasa
bel-	belajar
ter-	terjatuh, tertidur
di-	dipukul, diambil
diper-	diperoleh, diperbesar
me-	menulis, mengaji



## KATA TERBITAN IMBUHAN SISIPAN

- Sisipan ialah bentuk imbuhan yang menyisip bahagian tengah kata dan membentuk kata terbitan.
- Terdapat tiga jenis sisipan, iaitu:

### a) Sisipan kata nama

Contoh:

AKHIRAN	CONTOH KATA TERBITAN
-el-	kelengkeng, telunjuk
-er-	keruping, seruling

### b) Sisipan kata kerja

Contoh:

AKHIRAN	CONTOH KATA TERBITAN
-el-	jelajah, gegagak

### c) Sisipan kata adjektif

Contoh:

AKHIRAN	CONTOH KATA TERBITAN
-el-	sekrak, gelembung
-er-	gerodak, serabut
-em-	gemilang, semerbak
-in-	sinambung

### c) Apitan kata adjektif

- Terdapat hanya satu apitan yang membentuk kata terbitan adjektif, iaitu apitan ke-...-an.

Contoh:

APITAN	CONTOH KATA TERBITAN
ke-...-an	kearaban, kemelayuan

## KONSEP

- Kata terbitan ialah bentuk kata yang dihasilkan melalui proses pengimbuhan, iaitu proses yang menggabungkan imbuhan pada kata dasar.
- Terdapat empat jenis imbuhan, iaitu:
  - Imbuhan awalan
  - Imbuhan akhiran
  - Imbuhan sisipan
  - Imbuhan apitan

## KATA TERBITAN IMBUHAN APITAN

- Apitan ialah imbuhan yang terdiri daripada gabungan awalan dan akhiran untuk membentuk kata terbitan.
- Terdapat tiga jenis apitan, iaitu:

### a) Apitan kata nama

Contoh:

APITAN	CONTOH KATA TERBITAN
pe-...-an	pelaksanaan, perasaan
pem-...-an	pembayaran, pembentukan
pen-...-an	pendakian, pendustaan
peng-...-an	penggantian, penggunaan
penge-...-an	pengesahan, pengesyoran
pe-...-an	pedalaman, petempatan
per-...-an	pertanyaan, permasalahan
pel-...-an	pelajaran
ke-...-an	kesihatan, keindahan

### b) Apitan kata kerja

Contoh:

APITAN	CONTOH KATA TERBITAN
me-...-kan	melaksanakan, memanjakan
mem-...-kan	membahayakan, membenarkan
men-...-kan	mendermakan, mencarikan
meng-...-kan	menggunakan, menghiburkan
menge-...-kan	mengehadkan, mengelapkan
ber-...-kan	berbajukan, beralaskan
di-...-kan	dimasukkan, dicarikan
me-...-i	melayari, mewarisi
mem-...-i	mempercayai, membaharui
men-...-i	mencurigai, menziarahi
meng-...-i	menggarisi, mengadili
di-...-i	diadili, didekati
diper-...-kan	diperdengarkan, diperjuangkan
diper-...-i	diperingati
memper-...-kan	memperjuangkan
ke-...-an	kedinginan, kesejukan





## BINAAN FRASA SENDI NAMA

### a. Kata sendi nama + Frasa nama

Contoh:

Frasa Sendi Nama	
Kata Sendi Nama	Frasa Nama
di	pantai



### b. Kata sendi nama + kata arah + unsur keterangan

Contoh:

Frasa Sendi Nama		
Kata Sendi Nama	Kata Arah	Unsur Keterangan
ke	utara	dengan kawannya

### c. Kata sendi nama + kata arah + frasa nama

Contoh:

Frasa Sendi Nama		
Kata Sendi Nama	Kata Arah	Frasa Nama
dari	atas	pokok rambutan

### d. Kata sendi nama + kata arah + frasa nama + unsur keterangan

Contoh:

Frasa Sendi Nama			
Kata Sendi Nama	Kata Arah	Frasa Nama	Unsur Keterangan
ke	dalam	laci	agar tidak hilang

## FRASA SENDI NAMA

- Frasa sendi nama ialah satu binaan dalam ayat yang terdiri daripada satu kata sendi nama atau satu frasa nama yang menjadi pelengkap kepada kata sendi nama itu.
- Dalam ayat, frasa sendi nama hadir sebagai:

#### a. Frasa sendi nama sebagai predikat ayat

Contoh:

1. Ayah dan ibu Aminah ke bendang setiap pagi.
2. Cikgu Nor Ain dari Teluk Intan, Perak.

#### b. Frasa sendi nama sebagai unsur keterangan frasa nama

Contoh:

1. Rumah di tepi sawah itu sangat besar.
2. Bungkus hadiah untuk kakak itu daripada tunangnya.

#### c. Frasa sendi nama sebagai unsur keterangan frasa kerja

Contoh:

1. Siti menjemur baju yang telah dibasuh di ampai.
2. Nelayan itu menangkap ikan dengan jala.

#### d. Frasa sendi nama sebagai unsur keterangan frasa adjektif

Contoh:

1. Murid itu pandai dalam semua mata pelajaran.
2. Suhu di kawasan pergunungan itu amat dingin pada waktu dinihari.

## FRASA ADJEKTIF

- Frasa adjektif ialah susunan perkataan yang terbina daripada satu perkataan atau beberapa perkataan yang mengandungi kata adjektif atau sebagai intinya.
- Frasa adjektif berfungsi sebagai predikat dan juga sebagai unsur keterangan dan unsur penerang dalam predikat
- Dalam ayat, frasa adjektif hadir sebagai:

#### a. Frasa adjektif sbagai predikat

Contoh:

Subjek	Frasa Adjektif
Pramugari itu	cantik

#### b. Frasa adjektif sebagai unsur keterangan


Contoh:

Subjek	Predikat	
	Frasa Kerja	Keterangan
Kereta itu	bergerak	dengan laju
Kapal angkasa itu	meluncur	sungguh tinggi di angkasa lepas

#### c. Frasa adjektif sebagai unsur penerang kata nama dalam predikat

Contoh:

Subjek	Predikat	
	Frasa Nama	Penerang
Nasi lemak	makanan	populer
Usman Awang	penyair	agung



## BINAAN FRASA ADJEKTIF

### a. Binaan satu perkataan

- Binaan ini terdiri daripada satu kata adjektif sama ada kata adjektif dasar atau berimbuhan.
- Contoh:

terang	kehijau-hijauan
tertinggi	sebesar

### b. Binaan dua perkataan

#### i. Kata adjektif + kata adjektif

Contoh:

Jenis	Contoh	
Keserasian makna	lemak manis	gagah berani
Berlawanan makna	siang malam	pahit manis
Unsur rima	kaya-raya	tinggi lampai

#### ii. Kata adjektif + kata nama

Contoh:

Jenis	Contoh	
Keserupaan makna	kuning langsung	muda remaja
Maksud kiasan	terang hati	panjang tangan



Tatabahasa:  
**FRASA**

2



## AYAT SERUAN

- Ayat seruan ialah ayat yang digunakan dengan tujuan melahirkan perasaan seperti terkejut, hairan, geram, seronok, sakit dan sebagainya.
- Dalam tulisan, ayat seruan menggunakan tanda (!) di akhir ayat.
- Contoh kata seru:

wah	cis	aduh	eh
syabas	wahai	oh	amboi

- Contoh ayat:
  1. **Aduh**, sakitnya gigiku!
  2. **Wah**, rajinnya awak menyapu sampah!
  3. **Eh**, pura-pura tak kenal pula!
  4. **Cis** berani sungguh engkau menipukul!
  5. **Oh**, kakak kamu yang mendapat 10A dalam peperiksaan SPM!



## Tatabahasa: JENIS AYAT

## AYAT TANYA

- Ayat tanya ialah ayat yang digunakan untuk tujuan menanyakan sesuatu berita atau hal.
- Terdapat dua jenis ayat tanya, iaitu:

### a. Ayat tanya dengan unsur tanya

Contoh:

Jenis Ayat Tanya	Contoh Kata Tanya	
Ayat tanya dengan kata tanya	berapa	bagaimana
	bila	mengapa
	kenapa	
Ayat tanya dengan kata ganti nama diri tanya	apa	
	siapa	
	mana	
Ayat tanya dengan frasa sendi nama tanya	di mana	ke mana
	dengan siapa	
	sampai bila	
	sejak bila	

- Contoh ayat:
  1. Harga mi kari itu **berapa**?  
**Berapakah** harga mi kari itu?
  2. Novel saya yang kamu pinjam dahulu itu **mana**?  
**Manakah** novel saya yang kamu pinjam dahulu itu?
  3. Perut kamu sakit sejak **bila**?  
**Sejak bilakah** perut kamu sakit?



### b. Ayat tanya tanpa kata tanya


- Contoh:
  1. Baju yang dijual di kedai itu cantik-cantik?  
Cantik-cantiklah baju yang dijual di kedai itu?
  2. Mereka sekeluarga akan ke Pulau Tioman untuk bercuti?  
Akan ke Pulau Tioman untuk bercutikah mereka sekeluarga?

## KONSEP

- Ayat ialah unit pengucapan yang paling tinggi dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap.
- Terdapat empat jenis ayat, iaitu:
  - a. Ayat penyata
  - b. Ayat tanya
  - c. Ayat perintah
  - d. Ayat seruan

## AYAT PENYATA

- Ayat penyata ialah ayat yang diucapkan dengan tujuan atau maksud membuat sesuatu kenyataan, menyatakan atau memberikan sesuatu keterangan tentang sesuatu berita atau hal.
- Ayat penyata juga dikenali sebagai ayat berita atau ayat keterangan.
- Contoh:
  1. Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj merupakan Perdana Menteri Malaysia yang pertama.
  2. Bunga cempaka sungguh harum.
  3. Makanan kegemaran Cikgu Ain ialah nasi ayam penyat dan sate.



## AYAT PERINTAH

- Ayat perintah ialah ayat yang digunakan dengan tujuan untuk menimbulkan sesuatu tindakan sama ada suruhan, larangan, ajakan atau menyampaikan permintaan.
- Ayat perintah terbahagi kepada empat jenis, iaitu:

Jenis Ayat Perintah	Fungsi	Contoh Ayat
Ayat suruhan	Memberikan perintah atau arahan	1. Keluar dari bilik ini sekarang. 2. Buat latihan karangan itu dengan teliti.
Ayat larangan	Menghentikan sesuatu perbuatan	1. Jangan merokok di kawasan ini. 2. Usah dikenang kisah yang lalu.
Ayat silaan	Menjemput atau mempersilakan seseorang	1. Sila datang lagi ke kedai kami. 2. Jemput minum teh yang terhidang itu.
Ayat permintaan	Memohon atau meminta sesuatu	1. Tolong tutup pintu itu. 2. Minta anda semua masuk ke dewan.

“ Ayat dasar ialah ayat yang menjadi sumber bagi pembentukan ayat-ayat lain dalam bahasa Melayu. ”



 **Cikgu Ain**

Tatabahasa:  
**POLA  
AYAT DASAR**

## FN+FN

Contoh ayat:

1. Puan Fatimah guru sekolah menengah.
2. SMK Kapit tempat saya belajar.
3. Itu kereta abang saya.
4. Si Tompok kucing peliharaan datuk.



## FN+FK

Contoh ayat:

1. Ibu sedang menyidai kain.
2. Burung itu membuat sarang.
3. Sazali menuntun basikalnya yang rosak.
4. Pengetua SMK Kapit sedang berucap.



## FN+FA

Contoh ayat:

1. Masakan kakak sedap sekali.
2. Lembu peliharaan Pak Ngah gemuk-gemuk.
3. Buah cempedak itu ranum sungguh.
4. Pemandangan di pantai itu sungguh indah nian.



## FN+FS

Contoh ayat:

1. Amran ke perpustakaan pagi tadi.
2. Sarang burung itu di atas pokok.
3. Pasangan suami isteri itu dari Jepun.
4. Novel itu tentang penderitaan masyarakat semasa penjajahan Jepun.

